



PESERTA UniMAP MENONJOL DI KARNIVAL KEUSAHAWANAN SISWA IPTA PERINGKAT NASIONAL (KARNIawan) KE IV

Pada 8-10 Januari 2009 yang lepas berlangsung Karnival Usahawan (KARNIawan) ke 6 Peringkat Nasional selama 3 hari di Universiti Utara Malaysia. Program ini dirasmikan oleh YB Dato' Noh Bin Omar (Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi). Ia merupakan salah satu acara tahunan Majlis Keusahawanan Mahasiswa Universiti-universiti Malaysia (MAKMUM) dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MeCD).

Bertemakan "Siswa Peneraju Usahawan Dinamik", pelbagai program keusahawanan telah dianjurkan oleh tuan rumah, antaranya ialah Konvensyen Keusahawanan, Forum Keusahawanan, Persembahan Rancangan Perniagaan (RP), Sesi Penerokaan Catur Bestari, Pertandingan Projek Keusahawanan Siswa Terbaik, Pertandingan Jejak Usahawan serta Anugerah Usahawan Siswa Terbaik. Semua peserta terdiri daripada pelajar-pelajar IPTA di Malaysia serta dua kumpulan pelajar dari IPT Indonesia.

UniMAP melalui Kelab Usahawan Mahasiswa di bawah penasihat Pn. Nursakinah dan En. Fathul Azan, Pegawai Tadbir Unit Keusahawanan HEPA telah menghantar seramai 13 orang wakil pelajar sebagai peserta. Selain dari mengadakan jualan gerai sepanjang 3 hari berturut-turut, peserta dari UniMAP juga telah memenangi beberapa program seperti berikut:

A. Pertandingan bagi Sesi Penerokaan Catur Bestari:

1. Nilai Aset Tertinggi (Juara)
2. Nilai Amal Tertinggi (Naib Juara)
3. Kumpulan pertama ke Laluan Tijarah (Naib Juara)
4. Kumpulan pertama ke Laluan Jihad Bisnes (Tempat ke-3)

B. Pertandingan Jejak Usahawan

(Hadiah saguhati)

Pelajar UniMAP kelihatan amat komited serta menunjukkan kesungguhan di dalam setiap program yang dipertandingkan. Tahniah diucapkan!